

AMALAN BEKERJASAMA DALAM KOMUNITI SETEMPAT: KEPENTINGANNYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM[#]

Ust. Nurazmallail bin Marni (nurazmal@utm.my)
Ust. Ahmad Kilani bin Mohamed (kilani6212@hotmail.com)
(Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial)
Normala binti Hashim
(Fakulti Kejuruteraan Awam)
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Skudai, Johor Darul Takzim
Tel: 07-5535091 (ext. 35031) hp:0197353281 Fax: 07-5535101
Ruzana bt. Abu Nasir
(S.M.K. Mutiara Rini, Johor Bahru, Johor)

ABSTRAK

Dalam era pasca modenisma, semakin ramai yang bersikap individualistik lantaran saling berlumba-lumba mengejar kebendaan. Mereka hanya memikirkan cara menyempurnakan kehidupan dan sanggup melakukan apa sahaja asalkan keinginan tercapai. Hak dan keperluan orang lain diabaikan. Akibatnya, ada yang tidak mengenali jiran apatah lagi memberikan bantuan kepada yang bermasalah. Seseengahnya berfikir bahawa tidak perlu mencampuri hal orang lain dan sebaliknya. Mereka turut terpengaruh dengan fahaman kapitalisme iaitu setiap orang adalah bertanggungjawab terhadap nasib dirinya sendiri, bebas dalam segala tindakan terhadap harta bendanya. Kesannya, orang-orang kaya merasa tidak dipertanggungjawabkan untuk membantu golongan miskin. Pihak majikan pula tidak menghiraukan kebajikan pekerja bawahan malah mengambil kesempatan atas kelemahan pekerja dengan memeras tenaga dan memberikan upah yang tidak setimpal. Dalam institusi perkahwinan, isteri dipertanggungjawabkan dengan urusan di rumah sementara suami keluar bekerja mencari nafkah. Bersandarkan anggapan bahawa tugas di rumah adalah mudah, suami hanya duduk bersantai, sementara si isteri begitu sibuk dengan urusan yang banyak. Keadaan ini seringkali menimbulkan ketidakpuasan hati isteri dan akhirnya timbul pergolakan dalam rumahtangga hingga menyebabkan penceraian atau pergaduhan. Kebiasaannya, kebajikan anak-anak terabai. Jika masalah tersebut tidak ditangani dengan baik, anak-anak akan mudah terjerumus ke dalam kebejatan sosial. Artikel ini akan mengupas beberapa bentuk kerjasama yang harus wujud dalam keluarga dan komuniti setempat. Antaranya ialah kerjasama antara suami dan isteri dalam rumahtangga, kerjasama antara sanak saudara, kerjasama

[#] Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004) pada 4 hingga 6 September 2004 di Langkawi, Kedah Darul Aman. Seminar dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.

masyarakat setempat dalam membuat kebajikan, mencegah kemungkaran dan kerjasama dalam mewujudkan jaringan perniagaan. Dalil-dalil mengenai kepentingan bekerjasama dan kisah-kisah teladan turut dibincangkan.

1.0 Pendahuluan

Bekerjasama ialah satu proses bantu membantu antara satu sama lain dalam kumpulan yang melebihi daripada seorang. Ia juga disebut tolong-menolong, gotong-royong, berkongsi kesenangan dan kesusahan serta bermuafakat. Kerjasama tidak akan wujud bagi orang perseorangan. Kerjasama juga lahir daripada kesatuan. Untuk mencapai satu bentuk kerjasama yang baik, persefahaman amat perlu di samping menghilangkan perbezaan pandangan serta berusaha untuk menyatukannya berasaskan kebenaran dan perasaan saling memerlukan. Dalam masyarakat Melayu, konsep kerjasama juga diterjemahkan dalam slogan “Sepakat membawa berkat”.

Salah satu konsep tolong menolong ialah mereka yang berkeupayaan perlu membantu golongan lain yang kurang atau tidak berkemampuan. Oleh itu, mereka yang diberi kelebihan oleh Allah hendaklah menolong dan memberi sumbangan kepada golongan yang kurang bernasib baik atau kurang berkemampuan. Perkara ini telah ditekankan oleh al-Quran dalam surah al-Mudatthir ayat 42-44 yang menggariskan bahawa sesiapa yang tidak mahu menolong orang miskin akan dimasukkan ke dalam neraka Saqar:

Maksudnya;

“Apakah yang menyebabkan kamu masuk neraka Saqar? Mereka menjawab: kami tidak melakukan sembahyang. Dan tidak memberi makan orang miskin.”

Imam al-Ghazali menyebut, hak seorang muslim ke atas muslim yang lain ialah memberi pertolongan kepada saudaranya yang mempunyai hajat dan keperluan mengikut kemampuan mereka.

Sebagaimana ajaran Islam, ajaran agama lain juga pastinya mengambil berat terhadap sikap tolong menolong kerana ia adalah amalan yang baik dan memberi manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri bahkan orang lain. Tolong menolong atau kerjasama biasanya berlaku antara saudara mara, teman sejawat dan jiran tetangga sebagaimana yang disebut oleh al-Quran dalam surah an-Nisa', ayat 36:

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
 وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ
 بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
 مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya;

“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki.”

Sifat tolong menolong dan bekerjasama merupakan sifat mahmudah iaitu sifat terpuji yang perlu ditanam bagi setiap orang yang bergelar muslim dan mengaku beriman kepada Allah S.W.T. Mereka sedar bahawa ia adalah tanggungjawab dan perintah Allah yang perlu dipatuhi sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Taubah ayat 71;

Maksudnya;

“Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah.”

Dalam sebuah hadis Nabi s.a.w menyebutkan cara yang sepatutnya kita membantu orang yang kurang berada dan berkongsi menggunakan sesuatu kemudahan. Baginda bersabda yang bermaksud;

“Hendaklah setiap orang Islam itu bersedekah, jika ia tidak mampu, hendaklah ia berusaha melakukan sesuatu yang dapat memberi faedah kepada dirinya sendiri dan dengan demikian ia dapat bersedekah. Jika tidak mampu, maka hendaklah ia menolong orang susah yang memerlukan bantuan. Jika tidak mampu, maka hendaklah ia menyuruh orang lain melakukan kebaikan. Jika tidak mampu, maka hendaklah ia

menahan dirinya daripada melakukan kejahatan, kerana yang demikian itu adalah dianggap suatu sedekah”. (riwayat Ahmad)¹

2.0 Kerjasama Antara Suami dan Isteri

Masyarakat Melayu sememangnya popular dengan semangat bergotong-royong, tolong-menolong, bekerjasama serta bermuafakat dengan tujuan untuk menyempurnakan keperluan hidup sama ada bersifat kebajikan umum atau peribadi. Sebagai contoh, bergotong-royong membina masjid, surau, membersihkan kawasan perkuburan, majlis kematian dan sebagainya. Seterusnya, nilai-nilai kerjasama yang diwujudkan dalam perhubungan mereka akan menimbulkan rasa kasih sayang dan mengeratkan silaturrahim.

Seperti yang diketahui, pembinaan sesebuah masyarakat adalah bermula daripada rumah iaitu dalam konteks keluarga. Umumnya mengetahui bahawa tugas fitrah seorang isteri ialah menyempurnakan urusan rumahtangga. Namun begitu, suami tidak boleh lepas tangan dan hanya bergantung kepada isteri semata-mata untuk mengurus hal-hal di dalam rumah. Suami tidak boleh berfikir bahawa kerja-kerja di rumah hanya akan merendahkan martabat lelaki. Rasulullah saw yang menjadi ikutan umat merupakan contoh terbaik sebagai seorang suami yang penuh bertanggungjawab. Baginda selalu membantu isteri-isterinya melakukan kerja-kerja rumah dan tidak menyusahkan mereka dengan melakukan pekerjaan yang boleh dilakukannya sendiri seperti menjahit pakaiannya yang koyak.

Sesungguhnya, bantuan yang diberikan akan menambahkan lagi rasa kasih sayang serta penghargaan isteri terhadap suami. Bantuan tersebut adalah satu manifestasi kasih sayang yang akan menarik perhatian isteri terhadap suami dan keluarga seluruhnya (Mustafa, 1995: 190).

Bagi pihak isteri pula, mereka sepatutnya memahami keadaan suami sebagai ketua keluarga yang berperanan mencari nafkah untuk keluarga. Pelbagai cara boleh dilakukan oleh isteri untuk meringankan bebanan suami. Antaranya ialah (Hassan, 197: 113):

1. Membantu menguruskan pelbagai urusan rumahtangga yang mudah seperti membayar bil, membeli keperluan dapur dan urusan anak-anak ke sekolah.
2. Memberi sokongan moral dalam apa jua bidang yang diceburi oleh suami.
3. Tidak membebankan suami dengan urusan rumahtangga yang remeh-temeh.

Dengan kata lain, isteri harus berperanan sebagai pembantu suami. Seringkali kita dengar ungkapan “wanita merupakan sayap kanan bagi lelaki” dan “di sebalik kejayaan lelaki, adanya seorang wanita”. Oleh itu, sikap saling bekerjasama serta faham memahami antara satu sama lain dalam keluarga pasti akan mewujudkan suasana keluarga yang harmoni.

3.0 Kerjasama Antara Kaum Kerabat

Islam menjadikan orang yang ada hubungan persaudaraan dan pertalian kaum kerabat sebagai golongan yang bersatu padu dan saling memikul tanggungjawab bersama. Yang kuat membantu yang lemah dan yang kaya pula menampung yang miskin. Itulah yang mendorong mereka kepada saling bersimpati dan tolong-menolong serta mengukuhkan ikatan antara mereka (Ismail, 1988: 72). Hal ini selaras dengan sebuah hadis yang bermaksud:

“Orang Islam itu bersaudara, tidak boleh menzalimi dan mengkhianatinya. Sesiapa yang menolong saudaranya, nescaya Allah akan menolongnya. Sesiapa yang menghilangkan kesusahan orang Islam nescaya Allah akan menghilangkan daripadanya kesusahan pada hari kiamat. Sesiapa yang menutup keaiban orang Islam nescaya Allah akan menutup keaibannya pada hari kiamat.”

(riwayat Ahmad)²

Islam memerintahkan setiap orang yang berupaya supaya bekerja dan berusaha mencari penghidupan untuk diri sendiri serta memberi kecukupan kepada ahli keluarga. Bagi ahli keluarga yang tidak berupaya dan lemah menjalankan kerja serta tidak mempunyai harta adalah dalam tanggungan saudaranya yang senang dan berada untuk membantunya menguruskan hal-ehwal keperluannya.

Lain pula halnya bagi orang yang dhaif yang tidak mempunyai saudara-mara yang berharta. Islam menetapkan bahawa dalam harta kekayaan di bawah kekuasaan orang yang kaya terdapat satu hak di dalamnya dengan kadar-kadar tertentu iaitu zakat. Ini jelas kerana objektif utama zakat ialah untuk memenuhi keperluan asasi kepada golongan fakir miskin. Pengeluaran zakat merupakan suatu pintu bagi bantuan kepada golongan fakir miskin dan pertolongan kepada orang yang menderita. Di samping itu, ia memberi keupayaan kepada yang lemah dan memberikannya kekuatan untuk menunaikan kewajibannya terhadap Allah. Firman Allah S.W.T.dalam surah at-Taubah, ayat 71:

Maksudnya;

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh mengerjakan yang makruf, mencegah daripada melakukan kemungkarannya, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Berdasarkan ayat di atas, dapat kita simpulkan bahawa konsep kerjasama boleh dijalankan oleh sesiapa sahaja yang berkemampuan. Namun begitu, perlu difahami bahawa kerjasama hanya boleh terjadi atau dilaksanakan untuk melakukan pekerjaan yang dibolehkan oleh syarak. Pekerjaan-pekerjaan yang terlarang iaitu bersifat kemaksiatan sama sekali perlu ditolak. Malah, sesiapa yang bekerjasama dalam hal kemaksiatan akan ditimpakan oleh Allah dengan balasan yang buruk.

Dalam sebuah hadis ada menyebut tentang kerjasama dan bertimbang rasa dengan jiran dan sahabat-handai. Sabda Nabi s.a.w. yang maksudnya;

“Hak jiran jika ia sakit hendaklah diziarahi, jika ia meninggal dunia, hendaklah dihebahkan kematiannya, jika ia minta pinjam hendaklah diberi pinjam, jika ia berada dalam kesusahan hendaklah menolongnya. Jika ia mendapat kebaikan hendaklah mengucapkan tahniah, jika ia ditimpa kesedihan hendaklah mengucapkan takziah, janganlah engkau meninggikan binaan rumah engkau melebihi binaan rumahnya kerana itu akan menghalang angin ke rumahnya. Janganlah engkau mengganggu dengan bau masakanmu kecuali engkau berikan sedikit kepadanya.”
(riwayat al-Munziri)³

Kenyataan hadis ini sesuai dengan praktikal yang dilaksanakan di kalangan para salaf yang mengambil berat hal ehwal keluarga dan anak-anak sahabatnya selepas kewafatannya dengan memenuhi segala keperluan dan sentiasa menziarahi mereka serta memberikan pelbagai sokongan moral dan material setiap kali mereka memerlukannya. Pendek kata, keluarga itu tidak akan merasa kekurangan apa-apa (Abi Jauhar, 1995:24).

Dengan cara beginilah mereka membina perasaan kasih sayang dan simpati dalam persaudaraan mereka. Dengan sebab ini juga, golongan yang miskin akan terhindar daripada perasaan hasad dengki. Masalah seperti ini akan mencetuskan rasa kemarahan di hati mereka yang menyebabkan timbulnya kacau-bilau dan huru-hara serta meruntuhkan tali persaudaraan di kalangan manusia.

4.0 Kerjasama Masyarakat Setempat Dalam Menegakkan Hukum Allah

Kerjasama adalah penting dalam usaha menegakkan hukum Allah. Tanpa kerjasama yang kukuh dan erat, sesuatu perjuangan akan menjadi lemah walau bagaimana tepat sekalipun matlamat sesuatu perjuangan. Dalam perjuangan Rasulullah, para sahabat merupakan orang yang turut berjasa dan mendokong perjuangan suci baginda. Mereka berganding bahu dan saling membantu untuk menjayakan perjuangan Nabi s.a.w, malah sanggup mengorbankan nyawa mereka sendiri. Ia bukanlah satu kerja yang mudah kerana kerjasama ini menuntut pengorbanan yang besar sama ada dari sudut material dan kerohanian.

Orang-orang yang membantu golongan yang berjuang di jalan Allah (*fi sabilillah*) telah dijanjikan oleh Allah dengan mendapat pahala yang sama seperti orang yang

pergi berperang. Dalilnya, sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim;

Maksudnya;

“Abu Abdurrahman bin Khalid al-Juhainy r.a. berkata: Sesiapa yang menyediakan keperluan orang yang berjuang fi sabilillah bererti ia telah berjuang. Sesiapa yang menjagakan hak milik orang yang sedang berjuang dengan baik bererti ia telah ikut berjuang”.

(riwayat al-Bukhari dan Muslim)⁴

Sememangnya, salah satu langkah ke arah penyatuan kerja-kerja kebajikan, melakukan makruf dan mencegah kemungkaran ialah mewujudkan kerjasama yang baik di kalangan masyarakat setempat. Masyarakat atau komuniti setempat melalui persatuan kebajikan Islam dan lain-lain digalakkan merancang penganjuran majlis-majlis yang menimbulkan suasana persaudaraan, pertemuan dan kerjasama. Antara amalan yang baik untuk diteruskan oleh pihak komuniti setempat ialah menganjurkan sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Hari Raya Puasa dan Haji. Melalui sambutan Hari Raya konsep rumah terbuka direalisasikan. Dengan ini budaya ziarah-menziarahi akan berlaku di kalangan komuniti setempat. Melalui amalan berziarah yang dirancang dengan baik, jiran-jiran baru dapat dikenali dengan lebih dekat, sebahagian jiran mereka yang baru berpindah ke taman setempat kerana bertukar tempat kerja dan sebagainya.

Selain itu, komuniti setempat digalakkan menganjurkan majlis sambutan Maal Hijrah, Maulidul Rasul, kuliah-kuliah agama, kelas-kelas kemahiran memasak, menjahit, mengadakan agihan daging korban, agihan derma dan bantuan keewangan untuk ibu-ibu tunggal dan fakir miskin, mengadakan kem motivasi remaja, kem motivasi untuk meningkatkan kecemerlangan anak-anak penduduk komuniti setempat dan sebagainya. Komuniti setempat juga boleh melakukan usaha mencegah kemungkaran melalui kerjasama dengan pihak polis dan pihak berkuasa jabatan agama dengan melakukan rondaan ke rumah-rumah sewa, rumah-rumah kedai yang disewa, pusat karaoke, pusat perjudian haram yang dijadikan pusat-pusat maksiat, pekerja-pekerja kilang warga tempatan dan warga asing. Ini adalah penting dalam usaha menegakkan yang makruf dan mencegah yang mungkar cara berhikmah, bijaksana dan muafakat. Semoga matlamat untuk mewujudkan Masyarakat Hadhari yang harmoni dan bersefahaman dapat dicapai dengan jayanya.

5.0 Konsep Kerjasama Dalam Ekonomi

Umat Islam memang digalakkan untuk mencari nafkah hidup dengan cara berniaga. Sistem perniagaan itu sendiri adalah sistem tolong-menolong dan bantu-membantu antara manusia. Petani yang mempunyai beras akan menjual berasnya, lalu dengan wang tersebut mereka dapat membeli keperluan. Pembuat pakaian memerlukan beras

daripada petani kerana masyarakat adalah sekumpulan manusia yang saling memerlukan. Demikianlah seribu satu macam barangan keperluan manusia, terutama pada zaman moden ini yang dihasilkan oleh seribu satu macam kumpulan manusia (Hj. Johari, 1989:187).

Dalam ekonomi Islam, sistem yang diamalkan adalah menekankan konsep kerjasama sebagai satu unsur wajib selain menolak penindasan. Dengan intipati atau kandungan sistem itu sendiri adalah mampu untuk mewujudkan suasana perpaduan, harmoni dan persefahaman antara semua anggota masyarakat.

Di sini dijelaskan satu sistem ekonomi Islam yang mampu menghidupkan rasa kerjasama, iaitu sistem al-Mudharabah. Tujuan al-mudharabah ialah untuk mengadakan kerjasama antara tuan punya harta yang boleh dijadikan modal tetapi tidak mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan dan perusahaan atau tiada peluang untuk berusaha sendiri dalam lapangan perniagaan dengan orang yang berpengalaman dalam bidang tersebut tetapi tidak mempunyai modal. Melalui kaedah ini, kemahiran serta kekayaan yang ada dapat dimanfaatkan. Kerjasama antara kedua-dua pihak adalah diperlukan dalam setiap masyarakat demi kepentingan anggotanya.

Di samping itu, sistem lain yang mengamalkan konsep yang sama ialah al-Ijarah (sewaan), gadaian (al-rahnu), al-wadiah, al-wakalah dan lain-lain. Di sebalik istilah-istilah tersebut, terkandung amalan murni yang mampu mewujudkan satu sistem muamalah ke arah kesejahteraan masyarakat sejagat tanpa batasan agama, bangsa dan bahasa.

6.0 Kisah-kisah teladan

Bersama ini dilampirkan beberapa kisah teladan yang berkaitan dengan amalan bekerjasama dalam komuniti setempat. Semoga ia dapat menyuntik kesedaran kepada kita untuk diamalkan dalam kehidupan.

6.1 Kisah teladan 1

Pada bulan syawal tahun 5 Hijrah, berlaku satu peperangan antara orang-orang Islam dengan orang-orang kafir di sekitar kota Madinah. Peperangan ini dikenali sebagai Perang al-Ahzab yang bererti gabungan daripada beberapa golongan orang kafir untuk menumpaskan Islam dan para penganutnya. Perang ini juga dikenali sebagai Perang Khandak yang bererti parit. Ini kerana salah satu daripada strategi perang dalam peperangan ini ialah menggali parit di sekeliling kota Madinah.

Sebelum terjadinya peperangan, Nabi Muhammad s.a.w. telah bermesyuarat dengan para sahabat mengenai strategi perang. Salman al-Farisi mengusulkan supaya menggali parit yang dalam dan lebar di sebelah utara kota Madinah manakala bahagian lain dikawal sewajarnya. Usul Salman telah diterima. Parit yang besar dan dalam digali dengan segera. Kaum muslimin bekerjasama berganding bahu melaksanakan tugas ini. Nabi saw sendiri ikut serta menyumbangkan tenaga sehingga

benteng pertahanan kota Madinah selesai dibina. Kemudian berlakulah peperangan. Akhirnya, Allah telah memberi kemenangan kepada pihak muslimin.

6.2 Kisah teladan 2

Dalam satu riwayat menceritakan, seorang ahli sufi yang bernama Syaqiq al-Balkhi, menceritakan kepada Ibrahim bin Adham satu peristiwa yang disaksikannya:

“Tatkala aku singgah berteduh di satu tempat untuk berehat, aku terlihat seekor burung yang buta dan lumpuh. Aku berasa hairan bagaimana burung itu boleh hidup sedangkan ia tidak boleh bergerak dan melihat. Setelah aku berada di situ beberapa ketika, tiba-tiba datanglah seekor burung lain membawa makanan kepadanya beberapa kali dalam sehari.”

Sesungguhnya, itulah yang ditunjukkan oleh Allah tentang kekuasaannya yang perlu diperhatikan dan diambil iktibar oleh manusia. Manusia seharusnya tidak betah untuk melihat kesengsaraan orang lain dan sepatutnya menghulurkan pertolongan sewajarnya. Dengan pertolongan tersebut, orang lain dapat meneruskan kehidupan mereka di atas muka bumi dan sama-sama berkongsi mengecapi nikmat Allah. Tidak keterlaluan jika dikatakan orang yang membiarkan saudara-saudaranya berterusan di dalam kesusahan adalah manusia yang zalim dan tiada peri kemanusiaan. Malah, Allah juga amat murka ke atas hamba-Nya yang tidak mempedulikan kesusahan saudaranya.

Penutup

Sesungguhnya, setiap pertolongan yang diberikan akan mendapat ganjaran yang berpanjangan. Firman Allah dalam Surah an-Nisa', ayat 85:

مَنْ يَشْفَعْ شَفَاعَةً حَسَنَةً يَكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِّنْهَا وَمَنْ يَشْفَعْ شَفَاعَةً سَيِّئَةً يَكُنْ لَهُ كِفْلٌ مِّنْهَا وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقِيتًا

Mak

sudnya:

“Setiap yang memberi syafaat yang baik nescaya ia akan memperolehi bahagian (pahala) daripadanya dan sesiapa yang memberikan syafaat yang buruk nescaya ia akan mendapat bahagian (dosa) daripadanya dan ingatlah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

Kerjasama merupakan amalan yang amat dituntut dalam kehidupan setiap muslim. Allah menjanjikan ganjaran yang setimpal dengan usaha dan niat untuk membantu orang susah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Sesiapa yang memenuhi hajat saudaranya yang beragama Islam baginya pahala seperti pahala orang yang mengerjakan haji dan umrah.”
(riwayat Ibn al-Jawzi)⁵

Dapat disimpulkan bahawa dalam konsep bekerjasama, perasaan belas kasihan, timbang rasa dan bertolak ansur turut menjadi intipati penting dalam kehidupan bersosial. Sekiranya perkara-perkara tersebut tidak diamalkan maka usaha kerjasama komuniti akan menjadi pincang dan tidak berupaya mencapai matlamat yang diharapkan. Dalam Islam kerjasama tidak boleh berlaku dalam melakukan kemaksiatan kerana ia membawa manusia ke arah kerosakan. Seterusnya, ia akan menyebabkan kemunduran dan keruntuhan masyarakat. Orang Islam dibenarkan bekerjasama dengan bukan Islam sekalipun hingga ke peringkat antarabangsa. Syaratnya ialah kerjasama tersebut termasuk dalam perkara-perkara yang dibolehkan oleh syariat Islam. Apa yang penting, kerjasama yang dilakukan hendaklah disertakan dengan niat yang ikhlas untuk membantu antara satu sama lain. Sifat tamak dan ingin mengambil kesempatan hendaklah dielak dan dijauhi sama sekali.

Nota Hujung:

¹ Lihat Musnad Imam Ahmad, jil. 4, hlm. 411.

² Lihat Musnad Imam Ahmad, jil. 2, hlm. 277 (no. hadis 7713).

³ Lihat *al-Tarhib wa al-Tarhib*, 1417. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jil. 3, hlm. 242.

⁴ Lihat Sahih al-Bukhari, jil. 3, hlm. 1045 (no. hadis: 2688); Sahih Muslim, jil. 3, hlm. 1507 (no. hadis: 1895).

⁵ Lihat *al-Ilal al-Mutanahiyah*, 1403 H, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jil. 2, hlm. 511.

BIBLIOGRAFI

Abi Jauhar. (1995). *Adab Persahabatan Menjalin Kasih Sayang*. Selangor: Cita Khidmat Sdn. Bhd.

Yusuf al-Qaradhawi, terj. Ismail bin Mohd Hassan. (1988). *Wabak Kemiskinan Dan Cara-cara Islam Merawatinya*. Terengganu: Siri Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.

Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuniy, terj. Mustaffa Mat Daud. (1992). *Penyatuan Kerja Gerakan Islam, Di Antara Harapan dan Kenyataan*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.

Mustafa Hj. Daud. (1995). *Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Hj. Mohd. Ali. (1997). *20 Luahan Perasaan Suami*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Johari Hj. Alias. (1989). *Mencari Kesempurnaan Pekerti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____ (1988). *Panduan Al-Quran dan Hadith Bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam*, Bahagian Hal Ehwal Islam dan Jabatan Perdana Menteri, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).